

Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga

(Exploration of Religious Values Based on Maqasid Shariah in Achieving Family Well-being)

Abdul Rashid Abdul Aziz^{1*} 

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: rashid@usim.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Abdul Rashid Abdul Aziz
(rashid@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Kerohanian
Maqasid Syariah
kebahagiaan keluarga
Krisis rumah tangga

KEYWORDS:

Spirituality
Maqasid Sharia
Family well-being
Family crisis

CITATION:

Abdul Rashid Abdul Aziz. (2023).
Penerokaan Nilai Agama Berasaskan
Maqasid Syariah dalam Meningkatkan
Kebahagiaan Keluarga. *Malaysian Journal of
Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,
8(1), e002165.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2165>

ABSTRAK

Umum mengetahui setiap perkahwinan berpotensi untuk berdepan dengan cabaran dan masalah. Isu-isu kekeluargaan seperti kes penceraian, keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak dilihat merekodkan peningkatan yang luar biasa pada tahun 2020. Kesejahteraan merupakan elemen terpenting dalam kehidupan berkeluarga. Islam sendiri memberi perhatian serius terhadap aspek kebahagiaan ini. Justeru, penulisan ini bertujuan melihat cabaran krisis rumah tangga yang memberi penumpuan kepada aspek spiritual (kerohanian) berasaskan konsep Maqasid Syariah dalam meningkatkan kebahagiaan keluarga. Metod kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk kajian skop (scoping review). Sebanyak 40 artikel telah dijumpai dan dipilih dari pangkalan data universiti seperti *Online Public Access Catalog* (OPAC), *Proquest Central* dan *EBSCO-Host*, bermula dari tahun 2010 hingga Disember 2022. Perbincangan perspektif maqasid syariah dalam memelihara institusi keluarga berfokus kepada lima teras prinsipnya iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan serta menjaga harta. Kajian mendapati bahawa praktis dan pengamatan nilai agama berasaskan Maqasid Syariah membawa kepada peningkatan kebahagiaan keluarga. Konklusinya, kajian ini amatlah penting sebagai panduan dan alat bantu bagi kaunselor mahupun badan-badan yang sentiasa berurusan dengan hal ehwal rumah tangga seperti Jabatan Agama Islam Negeri dalam membantu memberikan jalan penyelesaian kepada setiap individu yang memerlukan.

ABSTRACT

In general, every marriage has the potential to face conflicts and challenges. Family crises such as divorce cases, domestic violence and child abuse are seen to record an extraordinary increase in 2020. Family well-being is the most important element in life. Indeed, Islam itself pays

serious attention to the aspect of family happiness. Therefore, this article aims to explore challenges of the family crises which focuses on the spiritual aspect based on the concept of Maqasid Syariah in achieving family happiness. This is a qualitative study using a scoping review design. A total of 40 articles have been found and selected from university databases such as Online Public Access Catalog (OPAC), Proquest Central and EBSCO-Host, not limited by start date till December 2022. The discussion of the maqasid perspective specific to sharia in preserving family institutions focuses on five core principles which are taking care of religion, life, intellectual, descendants and wealth. The study found that the practice of religious values based on Maqasid Syariah leads to an increase in family happiness. In conclusion, this study is very important as a guide and a tool for counsellors, as well as bodies that constantly deal with family crises such as the State Department of Islamic Religion in helping to provide a solution to every individual in need.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbang kepada pengetahuan mengenai cabaran krisis rumah tangga yang memberi tumpuan kepada aspek spiritual (kerohanian) berasaskan konsep Maqasid Syariah dalam meningkatkan kebahagiaan keluarga.

1. Pengenalan

Kesejahteraan keluarga merupakan salah satu petunjuk kepada keharmonian sesebuah masyarakat ([Abdul Wahab et al., 2021](#)). Dalam wawasan kemakmuran bersama 2030, kerajaan ingin membina indikasi modal sosial dan perkembangannya yang antara lain menggariskan indeks kesihatan rakyat sebagai salah satu matlamat pelan teras strategik ini. Selaras dengan hasrat ini, kerajaan telah melancarkan Deklarasi Keluarga Malaysia (DKM) yang menggariskan dasar dan prinsip yang terkandung dalam Dasar Keluarga Negara (DKN). Malah, menurut Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, DKM ini merupakan Agenda Nasional bagi memastikan semua pihak meletakkan keluarga sebagai keutamaan dalam pelbagai aspek kehidupan ([Wan Azizah, 2019](#)). Selain itu juga, Deklarasi ini selari dengan Artikel 16 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (1948) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu, institusi keluarga wajar diberi perlindungan oleh masyarakat dan kerajaan ([Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1948](#)). Dalam masa yang sama, Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Developmental Goals, SDG*) Malaysia ([Sustainable Development Goals, 2019](#)) turut meletakkan matlamat untuk mengurangkan semua bentuk keganasan yang merangkumi penderaan kanak-kanak dan keganasan domestik dengan signifikan.

Berdasarkan statistik terkini, skor Indikator Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2019 dilihat masih berada di tahap sederhana dengan skor 7.72 ([KPWKM, 2022](#)). Meskipun skor tersebut meningkat sebanyak 0.39 dari tahun 2016, namun peningkatan tersebut belum mencapai tahap yang memuaskan. Merujuk kepada statistik tersebut, dapatlah dilihat betapa pentingnya pengkajian terkini dalam aspek kesejahteraan keluarga perlu dijalankan secara komprehensif. Tekanan yang wujud perlu diuruskan dengan baik agar tidak mengganggu kualiti hidup ([Abdul Rashid, 2020](#)). Pelbagai indikator dan aspek yang perlu dikaji dalam kesejahteraan keluarga. Namun, belum ada indikator dan juga model

menyeluruh yang membincangkan kesejahteraan keluarga secara holistik. Ia hanya dibincangkan di pelbagai peringkat dengan ukuran dan persepsi yang berbeza sama ada dari sudut kebendaan, lokaliti, kejiwaan, kerohanian, keharmonian hubungan dan lain-lain ([Abdul Wahab et al., 2021](#)). Malah, sesetengah kajian didapati hanya berorientasikan pandangan barat semata-mata tanpa menambah nilai aspek dari sudut pandang Islam ([Jalil et al., 2017](#)).

Mutakhir ini, masyarakat Malaysia khususnya dalam kalangan umat Islam semakin kerap menghadapi ketidakseimbangan emosi, psikologi, dan kognitif sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa. Rentetan itu, teori barat seperti psikoanalisis, humanistik, terapi tingkah laku, gestalt, dan banyak lagi dilihat mempunyai kelemahan tersendiri apabila mengabaikan aspek dalaman iaitu roh dan unsur kerohanian. Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan kepada bidang psikoterapi untuk menyuntik elemen agama dan kerohanian bagi meningkatkan aspek kesihatan dan kesejahteraan diri ([Sharifah & Che Zarrina, 2015](#)). Ini bertepatan dengan konsep pemahaman manusia menurut agama Islam yang banyak dipengaruhi oleh unsur dalaman diri seperti Roh, Nafs, Aql dan Qalb ([Ibnu Qayyim, 2017](#)).

Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* dan *Tazkiah an-Nafs* karya Ibnu Qayyim al-Jauziyah ([Noordin & Ab. Rahman, 2017](#)) telah mengupas elemen diri manusia dengan lebih mendalam dari sudut tasawuf yang membawa kepada pemahaman tingkah laku manusia dalam konteks sekarang. Hal ini penting kerana pendekatan psikoterapi Islam yang merujuk kepada perbincangan ulama terdahulu mampu membantu pesakit dalam mengurangkan tekanan atau stres yang dialami ([Che Zarrina & Norhafizah, 2019](#)). Malah, dalam perspektif perubatan, beberapa kajian yang dijalankan mendapati nilai keagamaan dapat meningkatkan kesejahteraan dan kepatuhan pesakit terhadap rawatan yang diterima ([Mitchell & Romans, 2003](#); [Marcotte et al., 2003](#)).

Tekanan, konflik dan isu-isu yang melibatkan aspek kesejahteraan ini juga telah dikupas hubungkaitnya dengan kesihatan melalui definisi oleh pertubuhan kesihatan sedunia ([World Health Organization, 2022](#)) seperti berikut;

"Health is a state of complete physical, mental and social well-being and not merely the absence of disease or infirmity". This conceptualization of health goes beyond the absence of disease, and also include positive mental health as a state of well-being in which the individual realizes his or her own abilities, can cope with the normal stresses of life, can work productively and fruitfully, and is able to make a contribution to his or her community." [World Health Organization \(2022\)](#)

Berdasarkan petikan ayat di atas, dapat difahami bahawa kesihatan yang baik melibatkan elemen kesejahteraan iaitu keupayaan untuk penyesuaian diri dari tekanan, produktif dan boleh berfungsi dengan baik. Malah konsep kesihatan ini juga bukanlah bermakna ketiadaan penyakit, tetapi lebih meluas merentasi kesihatan jasmani, psikologi dan sosial. Menurut perspektif Islam, apa sahaja perlakuan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh atau mental adalah dilarang ([Toghyani et al., 2018](#)). Malah, aspek kesihatan ini bukan sahaja mempengaruhi diri individu itu sahaja, ianya turut mempengaruhi keadaan atau situasi dalam sesebuah keluarga. Hal ini bertepatan dengan anjuran dalam Maqasid Syariah. Perkataan maqasid adalah perkataan jamak yang berasal daripada perkataan dasar bahasa Arab iaitu qasada yang bermaksud tuju, menuju jalan yang betul dan tidak melampau. Manakala syariat

membawa maksud tempat terbit air yang menjadi sumber minuman, jalan, apa yang disyariatkan Allah dari aspek akidah dan hukum, agama dan pandangan mazhab yang jelas dan lurus (Luqman, 2019). Dari segi istilah pula, maqasid syariah menurut Allal al-Fasi (1963) adalah tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam. Sarjana-sarjana Islam yang lain seperti al-Raysuni (2000), Ibn Ashur (2001), al-Khadimiyy (2001), dan Ibn Bayyah (2012) turut menyatakan definisi yang tidak banyak perbezaan daripada definisi ini.

Untuk menjalani kehidupan yang seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat memerlukan ilmu yang bersumberkan al-Quran dan sunnah. Jika tidak, manusia terdedah kepada kesilapan dan kekeliruan (Yatimah & Mohd Tajudin, 2011). Menurut Siti Zalikah (2002), manusia tidak boleh menafikan kesan kekuatan iman terhadap kesihatan jiwa. Bahkan, kajian-kajian terhadap elemen spiritual yang dianjurkan oleh Islam seperti solat, zikir, taubat, puasa, membantu orang lain, membaca al-Quran mempunyai nilai empirikal yang tinggi (Toghyani et al., 2018; Rizal, 2009). Oleh yang demikian, ajaran Islam yang berpandukan al-Quran dan sunnah mempunyai kesan langsung terhadap penyembuhan (*healing*) bagi apa jua masalah melalui sentuhan roh, jiwa dan minda untuk memberikan keseimbangan dalam hidup berkeluarga.

Di dalam Islam, elemen batiniah yang tercela membawa kepada gangguan kejiwaan yang ditonjolkan dalam bentuk marah, sedih, cemas, pilu, resah, gelisah hati, jiwa tidak tenteram dan berasa tiada daya untuk mengatasi persoalan hidup. Gejala ini bukan sahaja memberi kesan kepada jiwa dan psikologi, malah turut memberi impak buruk kepada kesihatan jasmani, mental dan tubuh badan (Sharifah & Che Zarrina, 2015) yang seterusnya boleh mengganggu gugat tahap kesejahteraan keluarga. Agama berperanan penting dalam mencapai keadaan psikologi dan mental yang baik (Purmansyah, 2013). Islam dapat mencegah daripada gangguan dan kesihatan mental serta membantu merawat jiwa yang resah dan gelisah dalam diri seseorang. Menurut Noorshafenas dan Ahmad (2016), agama dan perubatan dijalankan serentak kerana kedua-duanya saling memerlukan. Malah, di dalam al-Quran telah banyak solusi yang Allah berikan kepada umat manusia untuk menyelesaikan masalah. Hal ini kerana setiap masalah atau penyakit mempunyai penawar dan penyelesaiannya serta di dunia ini hanyalah medan ujian kepada setiap manusia. Malah, keperluan elemen agama sebagai intervensi juga telah diperakui oleh badan profesional seperti *American Psychological Association* (APA) dan *American Counseling Association* yang mengiktiraf dan mengakui bahawa agama merupakan satu elemen yang memberikan sumbangan kepada perkembangan dan kefungsi manusia. APA telah meletakkan aspek keagamaan pada bahagian ke-36 sebagai salah satu bahagian daripada beberapa bahagian psikologi yang diiktiraf (APA, 2011). Berdasarkan sokongan tersebut, elemen agama ini juga turut menjadi keperluan untuk dipraktikkan dalam kehidupan keluarga di Malaysia.

Seperti yang telah dinyatakan, terdapat banyak kajian yang mengulas tentang peranan aspek keagamaan dalam mencapai kebahagiaan. Namun, sehingga kini masih tiada sebarang penulisan yang mengolah kesemua konsep dalam maqasid syariah secara bersepadu melibatkan kelima-kelima teras prinsip dalam pembentukan keluarga bahagia. Kajian mengenai Maqasid Syariah dalam pembinaan indikator kesejahteraan keluarga Muslim adalah amat penting. Hal ini kerana tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia disebaliknya seperti yang terkandung dalam Maqasid Syariah adalah bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia secara menyeluruh. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat cabaran krisis rumah tangga yang memberi tumpuan kepada aspek

spiritualiti (kerohanian) berasaskan konsep Maqasid Syariah dalam meningkatkan kebahagiaan keluarga.

2. Sorotan Literatur

2.1. Institusi Keluarga Islam

Setiap rumah tangga pasti berhadapan dengan krisis sama ada besar atau kecil. Faktor kepada setiap krisis yang berlaku juga adalah berbeza. Sesuatu krisis juga jika tidak dikawal dengan baik akan menyebabkan kekacauan dan boleh membawa kepada perceraian. Begitu banyak faktor yang membawa kepada krisis rumah tangga. Terdapat lapan klasifikasi utama penyebab perceraian yang dijalankan oleh Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) iaitu agama, tanggungjawab suami isteri, penderaan fizikal, sosial, komunikasi, seksual, kesihatan, psikologi, dan masalah-masalah lain ([Utusan Malaysia, 2020](#)). Selain itu, revolusi pengetahuan, perkembangan teknologi maklumat, kemajuan bioteknologi, globalisasi, liberalisasi, demokrasi dan perkembangan berbagai-bagai ideologi baru yang berlaku pada abad ini mempunyai kesan serta memberi cabaran secara langsung atau tidak langsung kepada perkembangan institusi kekeluargaan ([Abdul Rashid, 2020](#)). Hal ini diburukkan lagi dengan penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di awal kemunculannya. Penutupan sempadan negara, kepadatan penduduk dan masalah kewangan negara dalam mengurus penularan wabak COVID-19 telah mengganggu gugat sistem perkhidmatan di sesebuah negara ([Yu et al., 2021](#)) dan seterusnya mengubah corak kehidupan keluarga.

Di samping itu, dapatan kajian oleh [Noor Syaibah et al. \(2016\)](#) pula mendapati antara faktor yang boleh mencetuskan konflik sehingga menyebabkan perceraian ialah pengabaian tanggungjawab. Kurangnya didikan agama, sikap tidak matang suami atau isteri, hubungan pasangan tidak positif dan gagal menjalankan amanah, tugas serta tanggungjawab adalah antara faktor yang kerap menjadi punca pasangan bercerai ([Sulaiman Endut, 2000](#)). Di sini elemen tanggungjawab dan didikan agama disebutkan sebagai keutamaan dalam memastikan keluarga mencapai kebahagiaan.

Dalam institusi keluarga Islam, kurang pengetahuan agama dan tidak berpegang dengan ajaran agama menjadi salah satu punca kepada perceraian. Keputusan dapatan kajian [Abdul Rashid \(2021\)](#) menunjukkan bahawa agama mempengaruhi kebahagiaan dan komponen agama juga berkorelasi secara signifikan dengan kebahagiaan. Hal ini menunjukkan bahawa agama mampu memberikan faedah secara psikologikal dan sosial kepada manusia. Tambahan pula, [Krok \(2015\)](#) menyatakan bahawa dengan pengamalan agama, ia membantu dalam aspek psikologi manusia seperti mewujudkan kehidupan yang bermakna dan menjadi benteng kekuatan kepada manusia ketika menghadapi permasalahan besar dalam kehidupan. [Mazlan et al. \(2016\)](#) pula mencadangkan, pengetahuan agama yang perlu didalami seseorang termasuklah perkara-perkara fardhu ain, kifayah serta soal munakahat. Ilmu-ilmu ini dapat membantu pasangan dalam mengendalikan isu rumah tangga dan mengelakkan daripada krisis yang lebih teruk berlaku. Tidak dinafikan, kurang pengetahuan dan didikan agama dapat menjerumuskan seseorang untuk menjalani kehidupan dan budaya sosial yang liar. Suami yang tidak berpegang dengan ajaran Islam akan mengabaikan tanggungjawab di rumah seperti dalam aspek pemberian nafkah hidup yang merupakan antara elemen penting dalam institusi kekeluargaan Islam.

Krisis yang berpunca dari kurangnya fahaman agama ini turut dipersetujui oleh [Wan Anor dan Risalshah \(2014\)](#) yang menyatakan antara punca permasalahan kekeluargaan adalah tahap kefahaman agama yang rendah berkenaan kehidupan berkeluarga. [Azizi \(2008\)](#) turut menegaskan bahawa penyumbang kepada kejayaan sesebuah keluarga adalah tahap kefahaman agama dan tanggungjawab terhadap keluarga yang tinggi. Dapatan-dapatan ini menunjukkan betapa pentingnya kefahaman agama yang betul bagi mengelakkan krisis rumah tangga. Namun, kefahaman agama semata-mata tanpa penghayatan dan amal tidak akan lengkap dan menghalang daripada berlakunya krisis rumah tangga.

2.2. Pendekatan Islam bagi Rawatan Masalah Kesihatan Mental dalam Keluarga

Menurut [Nurrussakinah \(2014\)](#), peranan psikologi Islam adalah berbeza dengan psikologi barat. Psikologi barat hanya menerangkan, mengawal dan membuat ramalan terhadap tingkah laku manusia, sebaliknya psikologi Islam menerangkan, mengawal, membuat ramalan terhadap tingkah laku dan mengarahkan manusia untuk mendapat redha Allah. Jadi misi utama psikologi Islam adalah untuk menyelamatkan manusia dan mendorong manusia memenuhi fitrahnya untuk kembali kepada Allah.

[Rahim et al. \(2019\)](#) telah menjalankan satu kajian yang berasaskan metod kualitatif melalui pendekatan deskriptif terhadap rawatan berasaskan konsep al-Tafakkur menurut sunnah dalam pemulihan masalah kesihatan mental. Hasil kajian ini mendapati bahawa Islam memiliki tatacara al-tafakkur. Kaedah al-tafakkur menurut sunnah dilihat mempunyai fungsi holistik dan seimbang berbanding metod meditasi konvensional dalam agama lain seperti *Transcendental Meditation*, Yoga dan lain-lain metod rawatan psikoterapi bukan Islam. Kajian ini juga mendapati metod al- tafakkur menurut sunnah adalah lebih berkesan berbanding meditasi komplementari bukan Islam dalam berperanan sebagai model psikoterapi alternatif khususnya bagi individu Muslim yang menghadapi isu kesihatan mental.

[Norhafizah dan Zarrina \(2019\)](#) telah menjalankan satu kajian berbentuk analisis kualitatif deskriptif yang bertujuan membincangkan bentuk-bentuk tekanan yang dialami oleh pesakit kanser payudara. Kajian ini juga mengkaji pendekatan psikoterapi Islam dalam mengurus tekanan yang dialami oleh pesakit kronik ini. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa pendekatan psikoterapi Islam merujuk kepada perbincangan ulama terdahulu mampu membantu pesakit dalam mengurangkan tekanan atau stres yang dialami. Namun, usaha untuk mendapat kepulihan bagi tahap kestabilan emosi dan ketenangan jiwa memerlukan kepada konsistensi dalam amalan dan penghayatan bagi amalan tersebut serta sistem sokongan yang wujud dalam sesebuah keluarga.

Tambahan itu, [Walaah dan Adarsh \(2013\)](#) telah membuat tinjauan dan penerokaan kajian-kajian lepas berhubung isu kesihatan mental dan agama mendapati terdapat kesan besar pengaruh agama dan kerohanian Islam terhadap amalan klinikal psikiatri. Nilai-nilai dan kepercayaan Islam telah dilihat mampu membantu dalam merawat orang-orang Islam yang mengalami masalah kesihatan mental. Melalui penggabungan dan penambahan aspek nilai mengikut perspektif Islam dalam teknik psikoterapi, keperluan pesakit-pesakit Islam seperti di dalam penyalahgunaan dadah dan masalah kesihatan mental yang lain telah dapat dipenuhi dan juga memberikan impak yang besar dalam perubahan diri mereka dan keluarga. Hal ini termasuklah memberi tumpuan kepada pengubahsuaian teknik psikoterapeutik seperti '*Motivation-enhanced*

Psychotherapy' dan lain-lain sebagai penstrukturan semula kognitif pesakit dengan suntikan elemen Islam.

2.3. Teori Kaunseling al-Ghazali dalam Penyelesaian Konflik Keluarga

Imam [Al-Ghazali \(2000\)](#) telah membezakan antara elemen roh dan jasad. Roh adalah elemen nyawa yang menghidupkan manusia tanpa perlu bergantung kepada elemen lain, manakala jasad adalah elemen yang bergantung kepada roh. Teori Kaunseling al-Ghazali menjadikan falsafah al-Ghazali tentang unsur qalb, ruh, nafs dan 'aql sebagai teras dalam pembinaan teori ini. Teori Kaunseling al-Ghazali menghuraikan sifat-sifat manusia terdiri daripada empat unsur iaitu qalb atau hati, ruh atau roh, nafs atau jiwa, dan 'aql atau akal ([Yatimah & Mohd Tajudin, 2011](#)). Keempat-empat unsur ini berinteraksi secara dinamik. Unsur qalb iaitu hati, ruh iaitu spiritual dan nafs iaitu jiwa adalah unsur yang mempengaruhi sifat dalaman manusia manakala 'aql iaitu minda adalah unsur yang mempengaruhi sifat luaran manusia. Namun begitu unsur yang paling penting yang mempengaruhi tingkah laku manusia adalah qalb ([Abdul Hamid, 1988](#)).

Hati dalam pengertian yang abstrak lebih memberi kesan kepada diri manusia dan diumpamakan sebagai raja. Ia mempunyai pembantu ataupun 'tentera' yang 'bertugas' melayani suruhannya iaitu anggota tubuh seperti tangan, kaki, mata, telinga, lidah dan sebagainya. Secara naluri, seluruh anggota manusia patuh kepada hati. Al-Ghazali membahagikan 'tentera hati' kepada zahir dan batin yang bekerjasama memacu diri individu ke arah mendekatkan diri kepada Allah SWT. Penekanan terhadap hati dalam kehidupan manusia dilanjutkan pula dalam huraian pada tahap kualiti hidup manusia. Kualiti manusia di hadapan Allah SWT mahupun pada pandangan manusia ditentukan oleh aspek dalaman yang diterajui oleh hati. Hati menjadi daya dorong tingkah laku dan rupa luarannya ([Noor Shakirah, 2008](#)).

Berasaskan teori kaunseling al-Ghazali, [Yatimah dan Mohd Tajudin \(2011\)](#) merumuskan lima langkah yang dapat membantu individu mencari penyelesaian dalam masalah berkaitan aspek kesihatan emosi dan mental dalam institusi kekeluargaan. Langkah pertama adalah dengan pengenalan dan pembinaan hubungan. Langkah ini adalah melibatkan elemen berdoa, berjanji dan bertawakal, berbincang tentang konsep-konsep Islam (matlamat hidup, kewajipan, hukum perlakuan, halal haram, musibah, sabar dan syukur, sifat-sifat Allah dan Sunnah rasul mengikut keperluan kes. Langkah kedua adalah dengan mengenal diri dan membina matlamat hidup. Langkah ini pula melibatkan penerokaan kriteria diri klien yang membawa kepada masalah berdasarkan pemerhatian, percakapan dan soalan andaian, membimbing klien membuat muhasabah diri dalam melaksanakan syariat, klien menyedari kelalaian dan kekurangan yang ada pada dirinya. Langkah ketiga merupakan mengenal pasti punca dan jenis masalah. Dalam langkah ini, ia melibatkan gabungan langkah satu dan dua yang menjadi asas meneroka punca dan jenis masalah, kaunselor dan klien mencapai kefahaman yang sama mengenai diri dan permasalahan klien, rumusan masalah melibatkan kefahaman Islam dan penghayatan atau amalan syariat klien.

Langkah keempat adalah dengan memberi rawatan yang sesuai dengan jenis penyakit. Langkah ini memerlukan klien untuk memperbaiki diri melalui mempelajari ilmu Islam seperti meningkatkan amalan, bertaubat, berzikir, berdoa, menjaga pergaulan, menjauhi maksiat, menjaga makan minum, menjaga pandangan, menjaga pertuturan, menjaga daripada penyakit hati seperti sombong, riyak, ujub dan takbur. Langkah kelima iaitu langkah yang terakhir adalah penilaian. Langkah terakhir ini adalah melibatkan

penilaian kaunselor terhadap klien berdasarkan perubahan klien melalui air muka, gerak-geri dan pertuturan dari segi peningkatan aqidah, memahami diri, reda dengan musibah, keyakinan diri yang tinggi, melaksanakan tuntutan agama, taqwa dan tawakal.

3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian skop atau *scoping review*. Analisis kajian skop melibatkan proses yang dirancang untuk menyatukan data mentah ke dalam kategori atau tema berdasarkan kesimpulan dan tafsiran yang sah. Proses ini menggunakan penaakulan induktif, di mana tema dan kategori muncul dari data melalui pemeriksaan teliti dan perbandingan berterusan penyelidik. Menjana konsep atau pemboleh ubah dari teori atau kajian terdahulu juga sangat berguna untuk penyelidikan kualitatif, terutamanya pada permulaan analisis data (Berg, 2001).

Pendekatan kajian skop ini adalah berdasarkan 5 kerangka analisis daripada Arksey dan O'Malley's (2005) yang terdiri daripada 6 langkah iaitu; (1) mengenal pasti persoalan kajian, (2) mengenal pasti kajian yang relevan, (3) pemilihan kajian, (4) memetakan data, dan (5) menyusun, meringkaskan dan melaporkan hasil berdasarkan tema dan kategori kajian, dan akhir sekali (6) menjalankan konsultasi. Di peringkat ini, panel pakar telah dijemput oleh penyelidik untuk memberikan pandangan dan maklum balas tentang dapatan kajian serta mengesahkan dapatan tersebut dari perspektif pendekatan kajian skop (Sucharew & Macaluso, 2019). Tujuan utama adalah untuk mengenal pasti tema atau kategori penting dalam kajian skop bagi memberikan gambaran sebenar tentang realiti sosial yang dibuat oleh tema/ kategori.

Dalam kajian ini, 40 artikel yang menumpukan kepada cabaran krisis rumah tangga serta solusi yang wujud dari aspek spiritualiti (kerohanian) berasaskan konsep Maqasid Syariah dalam meningkatkan kebahagiaan keluarga telah dipilih. Artikel-artikel yang terpilih tidak terhad pada tarikh mula, dan termasuk penulisan yang diterbitkan sehingga Disember 2022. Pangkalan data seperti *Online Public Access Catalog* (OPAC), *Proquest Central* dan EBSCO-Host telah digunakan dalam mencari data. Kata kunci untuk carian termasuk kerohanian, spiritualiti, Maqasid Syariah, kebahagiaan keluarga, krisis rumah tangga; untuk mencari artikel, penulisan, hadis dan ayat al-Quran atau ulasan buku yang berkaitan dengan kesejahteraan keluarga dalam konteks penghayatan nilai Islam. Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kredibiliti hasil kajian, pengkaji menilai data yang diperoleh dengan mengenal pasti sama ada terdapat persamaan dan perbezaan antara kategori yang terhasil. Artikel yang berbentuk prosiding, tidak lengkap, tidak boleh dimuat turun dan tidak berkaitan dengan skop kajian tidak akan dipilih. Ini dilakukan dengan membaca, menganalisis dan menstrukturkan kandungan yang relevan mengikut topik kajian literatur. Seterusnya, hubungan kait antara cadangan atau topik kajian literatur dengan penyelidikan terdahulu dilakukan. Artikel pilihan kemudian dianalisis dan dikategorikan mengikut skop kajian bagi mendapatkan pemahaman yang lebih, mengenai isu berkaitan strategi daya tindak terhadap krisis rumah tangga dalam memacu kesejahteraan holistik.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan


Perbincangan perspektif maqasid syariah dalam memelihara institusi keluarga berfokus kepada memelihara lima teras prinsipnya iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan serta menjaga harta. Penerapan kelima-lima teras

prinsip ini amatlah penting dalam pembentukan keluarga bahagia. Perbincangan berkaitan maqasid syariah telah banyak dibahaskan dan disusun dalam beberapa karya ilmunan Islam seperti kitab Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa 'Alaqtuha bi Ahkam Fiqh al-Usrah tulisan [Qa'dan \(2013\)](#) dan banyak lagi. Selain itu, terdapat beberapa karya dalam bidang kekeluargaan Islam yang menekankan elemen-elemen penting dalam kesejahteraan sebuah keluarga tetapi tidak dibahaskan dari sudut aplikasi ilmu Maqasid Syariah. Ia termasuklah penulisan seorang tokoh ilmuwan terkenal iaitu [Sa'id Hawwa \(1988\)](#) dalam kitabnya Qawanin al-Bayt al-Muslim, Cabaran, Halangan dan Pendekatan Strategik dalam Pembentukan Keluarga Bahagia tulisan [Che Noraini \(2002\)](#), Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam tulisan [Ulwan \(2008\)](#), dan banyak lagi. Sehingga kini masih tiada sebarang penulisan yang mengolah kesemua konsep ini secara bersepadu melibatkan kelima-kelima teras prinsip dalam pembentukan keluarga bahagia.

Kajian mengenai Maqasid Syariah dalam pembinaan indikator kesejahteraan keluarga Muslim adalah amat penting. Hal ini kerana tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia disebaliknya seperti yang terkandung dalam Maqasid Syariah adalah bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia. Oleh itu, setiap individu perlu berpegang teguh dan mengamalkan prinsip-prinsip teras yang terkandung dalam Maqasid Syariah untuk memperoleh kesejahteraan dalam keluarga. Kupasan secara lanjut berkaitan setiap prinsip tersebut dapat ditelusuri dalam penulisan seterusnya.

[Rajah 1](#) menunjukkan lima teras yang menjadi prinsip kepada Maqasid Syariah. Lima teras prinsip Maqasid Syariah tersebut adalah *Hifz ad-Din* (menjaga agama), *Hifz an-Nafs* (menjaga nyawa), *Hifz al-Aql* (menjaga akal), *Hifz al-Mal* (menjaga harta), dan *Hifz an-Nas* (menjaga keturunan). Manakala di bawah kelima-lima teras terdapat elemen-elemen kecil iaitu terapi pelaksanaan solat jemaah, terapi berzikir dan berdoa, Bersyukur, Mencegah kezaliman, Kasih sayang, Keturunan yang baik, Penjagaan keturunan dari anak tidak sah taraf, Tanggungjawab memberi nafkah, Amalan Filantropi, Mencintai majlis ilmu, dan Konsep Redha.

Rajah1: Teras Prinsip Maqasid Syariah



4.1. Faktor Agama (Hifz Ad Din)

Memelihara agama (ad-din) adalah asas utama kepada tunjang umat Islam. Ini kerana, menjaga kewajipan dan kepentingan agama adalah tanggungjawab setiap muslim. Pemeliharaan akidah dan ibadah oleh umat Islam adalah perkara asas yang perlu diberi perhatian agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasul menjadi keutamaan. Menurut Hawari (1996) keluarga yang lemah komitmen atau tiada komitmen langsung terhadap agama mempunyai risiko empat kali ganda untuk tidak mencapai kebahagiaan dalam keluarganya. Hal ini adalah kerana akidah merupakan tunjang dalam pembentukan keluarga yang sejahtera. Menurut sarjana Islam, akidah merupakan sesuatu perkara yang dibenarkan dalam jiwa, dengannya hati menjadi tenang dan yakin tanpa ada keraguan atau syak (Al-Ashqar, 2004).

Sementara itu, Norsaleha et al. (2018) turut menyarankan tentang keperluan garis panduan yang diperkaya dengan elemen pendidikan Islam dan tauhid bagi membantu masyarakat mendapatkan kebahagiaan dalam rumah tangga. Usaha ini juga dilihat sebagai memenuhi pemeliharaan maqasid syariah serta tuntutan Islam itu sendiri di dalam sesebuah keluarga. Oleh itu, pembinaan keluarga bahagia dapat dicetuskan melalui amalan agama yang baik misalnya dalam bentuk ibadah. Ibadah yang dilakukan seharian oleh setiap Muslim merupakan kekuatan dan ikatan padu dalam mengikat hubungan rumah tangga mencapai keharmonian, kesepakatan dan persefahaman. Aspek maqasid syariah menjaga agama ini dikaitkan dengan amalan patuh menjalani ibadah seharian sebagai satu terapi kepada keluarga yang dibina. Ibadah ini dibahagikan kepada tiga amalan utama yang boleh diamalkan oleh setiap keluarga iaitu pelaksanaan solat berjemaah, terapi berzikir dan berdoa.

4.1.1. Terapi melalui Pelaksanaan Solat Berjemaah

Allah SWT telah memberikan peringatan dan panduan bahawa sekiranya seseorang sentiasa mengingati dan membesarkan keesaan-Nya, maka Allah SWT akan melindungi individu tersebut sepanjang masa. Dalam Surah al-Baqarah (ayat 152 hingga 153) yang bermaksud;

“Maka ingatlah kepada-Ku. Aku juga akan ingat kepadamu. Wahai orang-orang yang beriman, mohonlah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan solat”.

Ini adalah isyarat jelas bahawa Allah SWT akan membantu dan melindungi hamba-Nya mengatasi sebarang permasalahan termasuk masalah mental dan kemurungan sekiranya seseorang itu berusaha dan berdoa dengan penuh kesabaran dan tidak sesekali lalai serta leka dalam melaksanakan solat. Individu yang mengerjakan solat akan diberi perlindungan Allah SWT dan diberikan taufiq dan hidayah untuk menuju kebaikan. Perkataan “*daimun*” bererti khusyuk dan tenang. Hal ini kerana, ketika menunaikan solat seseorang diwajibkan untuk *tuma’ninah* agar pelakunya diam dan tenang untuk mendapat khusyuk dalam solat (Ibn Kathir, 2011). Rasa khusyuk ini juga membantu individu dalam mencapai keseimbangan diri.

Khusyuk dalam solat juga adalah salah satu ciri orang mukmin yang berjaya. Dua syarat perlu dilaksanakan agar solat dapat berperanan untuk penyucian dan kesihatan jiwa. Pertama, melakukan solat dengan sempurna, rapi perbuatannya, menjaga rukun dan waktunya, tidak lalai, ikhlas dan menepati kaedah berdasarkan Al-Quran dan Sunnah.

Kedua, mendirikan solat dengan penuh khusyuk dan penuh penghayatan. Ini kerana solat yang tidak khusyuk seumpama jasad tanpa roh. Ia kosong dan tidak memberikan kesan kepada penyucian jiwa (Anas, 2012). Solat boleh dijadikan sebagai salah satu terapi dalam menangani stres kehidupan (Khairunnas, 2012). Ia boleh diaplikasikan bersama-sama ahli keluarga dalam membudayakan amalan solat. Al-Ghazali berpendapat bahawa solat dapat memberikan ketenteraman jiwa, lantaran solat adalah dilengkapi dengan al-himmah (penumpuan), al-tafahum (pemahaman), al-ta'zim (pengagungan), al-haibah (kehebatan), al-raja' (harap) dan al-haya' (malu).

4.1.2. Terapi Berzikir dan Berdoa

Zikir adalah untuk mengingatkan Allah sama ada dengan lisan ataupun dengan hati. Maka cara pelaksanaannya perlu diperluaskan dengan tempat dan keadaan kerana ianya dapat diintegrasikan dengan pelbagai kaedah, contohnya usaha tersebut pasti lebih diberkati dan berkesan di dalam perubatan (Abdul Djalil, 2012). Zikir boleh menjadi penawar yang mujarab untuk segala penyakit rohani dan jasmani jika diamalkan secara berterusan, sempurna dan penuh ikhlas. Kekuatan berzikir secara konsisten dan teratur mampu menyembuhkan kira-kira 60 jenis penyakit hati malahan juga terbukti dapat menyembuhkan penyakit kanser dan saraf (Mokhtar & Mohd Noor, 2021). Bahkan, seseorang yang sentiasa mengamalkan zikir secara berterusan dapat mengingatkan dirinya bahawa yang mendatangkan dan menyembuhkan penyakit hanyalah Allah (Rahmat Ilyas, 2017).

Memperbanyakkan zikir akan lebih mendekatkan diri kepada Allah dan juga mampu membuatkan hati menjadi lebih tenang. Dalam hadis Riwayat Tabrani, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Sesiapa yang berselawat kepadaku pada waktu pagi sepuluh kali dan pada waktu petang sepuluh kali, ia akan memperoleh syafaatku pada hari kiamat".

Allah SWT juga berfirman dalam Surah al-Ahzaab (ayat 56) yang bermaksud;

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW), wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya".

Amalan zikir ini seharusnya menjadi amalan harian atau sekurang-kurang dibaca selepas setiap kali solat fardu. Setiap amalan ini perlu dilaksanakan secara istiqamah (berterusan). Zikir merupakan salah satu terapi psikiatri yang ampuh untuk diterapkan pada jiwa manusia (Ab. Razak et al., 2022). Selain dari berselawat ke atas Rasulullah SAW, kita juga boleh beramal dengan zikir dan wirid yang telah diamalkan oleh para salafussoleh yang mana ia boleh menjadi perisai buat kita agar dihindari daripada segala penyakit atau perkara-perkara yang tidak baik (Ahmad Sharifuddin, 2020).

Selain itu, berzikir dapat membebaskan diri seseorang daripada sifat lupa dan lalai. Perbezaan antara lupa dan lalai ialah lupa adalah di mana keadaan seseorang meninggalkan sesuatu bukan dengan pilihan sendiri sedangkan lalai pula adalah seseorang meninggalkan sesuatu berdasarkan pilihannya sendiri (Ahmad A'toa &

[Mardiana, 2021](#)). Dengan kerana itu, Allah berfirman dalam Surah al-A'raf (ayat 205) yang bermaksud;

“Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai”.

[Masuriyati dan Che Zarrina \(2016\)](#) menyatakan bahawa amalan zikir dapat membersihkan jiwa yang merangkumi proses takhalli iaitu membuang sifat-sifat keji dan proses tahalli iaitu menggantikan dengan sifat-sifat mahmudah serta zikir mampu memberi ketenangan jiwa kepada seseorang yang mengamalkannya. Justeru, sentiasa berzikir akan membuatkan seseorang rasa gembira dan mampu menghilangkan rasa duka dan sedih. Ia dapat memberikan rasa aman kepada seseorang ketika menghadapi ketakutan kerana Allah akan sentiasa bersama orang-orang yang sentiasa berzikir sebagaimana Allah berfirman dalam surah al-Baqarah (ayat 152) yang bermaksud;

“Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)”.

Selain berzikir, berdoa juga adalah salah satu kekuatan kepada peribadi seorang Muslim dalam rumahtangga. Doa adalah lafaz puji-pujian untuk memohon sesuatu yang dikehendaki daripada seorang hamba kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ghafir (ayat 60) yang bermaksud;

“Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku berkenankan doa permohonan kamu.”

Al-Ghazali menyatakan bahawa doa adalah salah satu mekanisme tazkiyah al-nafs yang dapat memberikan ketenangan kepada jiwa manusia yang gelisah, kerana apabila berdoa, jiwanya akan khusyuk mengingati Allah di samping dapat melatih jiwa bersifat rendah diri serta menginsafi kelemahan diri di sisi Allah SWT. Doa yang terkabul itu dapat membawa individu Muslim ke arah kesihatan mental dan diganti dengan kedamaian dan ketenangan ([Khairunnas, 2012](#)). Oleh itu, pasangan suami dan isteri boleh mengamalkan doa untuk kesejahteraan hidup berkeluarga setiap hari secara bersama.

4.2. Faktor Nyawa (Hifz An Nafs)

Kepentingan menjaga nyawa merupakan perkara kedua terpenting selepas menjaga agama di dalam maqasid syariah. Penjagaan nyawa juga merupakan satu prinsip penting dalam membina kerangka keluarga sejahtera. Selain itu, penjagaan nyawa penting bagi memastikan manusia dapat meneruskan kehidupan dan melaksanakan amanah pengabdian kepada Allah. Dengan mengikut maqasid syariah mengikut aspek menjaga nyawa, maruah, hubungan, keadilan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil serta pengurangan jumlah jenayah dapat dipelihara. Pengamalan menjaga nyawa ini dapat dibahagikan kepada tiga amalan utama iaitu pencegahan kezaliman terhadap diri sendiri atau terhadap keluarga, kasih sayang antara pasangan, serta bersyukur dengan anugerah kehidupan.

4.2.1. Mencegah Kezaliman

Menurut [al-Najjar \(2014\)](#), menjaga jiwa ialah menjaga keseluruhan jiwa seseorang manusia yang merangkumi pelbagai aspek yang boleh dilihat dan disentuh oleh deria, iaitu jasmani dan juga unsur maknawi yang sebaliknya tidak boleh dilihat dan disentuh oleh deria iaitu rohani. Jasmani termasuklah semua pancaindera dan anggota badan dan sebagainya. Rohani pula adalah nyawa, akal, hati, emosi, perasaan, nafsu dan sebagainya. Berdasarkan penjelasan ini, mencegah kezaliman dalam keluarga bukan sahaja dengan mengelakkan daripada mencederakan tubuh badan pasangan atau ahli keluarga, tetapi juga mencegah daripada menzalimi atau menyakitkan rohani ahli keluarga melalui emosi, perasaan dan hatinya. Firman Allah SWT dalam surah asy-Syura (ayat 43) yang bermaksud;

“Sesungguhnya kesalahan hanya ada pada orang-orang yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di bumi tanpa (mengindahkan) kebenaran. Mereka itu mendapat siksa yang pedih.”

Dari firman ini dapat kita lihat bahawa mengelakkan daripada berlaku zalim kepada diri sendiri dan orang lain bukan sahaja dapat memberi kesejahteraan di dunia, tetapi dapat menghindarkan diri dari azab di akhirat.

4.2.2. Kasih Sayang

Islam amat menekankan kepentingan dalam mewujudkan masyarakat yang penyayang. Ciri asas yang menjadi dasar dalam mewujudkan kehidupan yang sejahtera menurut Islam terdiri dari tiga hubungan dasar iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan alam. Dengan berpegang kepada tiga hubungan dasar ini, masyarakat yang penyayang dapat diwujudkan. Setiap individu perlu mengendalikan hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga wujudnya kebahagiaan dalam kehidupan. Menurut [Muhamad et al. \(2004\)](#), kasih sayang merupakan suatu aktiviti mental yang rasional dan logik. Kebolehan dalam mencurahkan kasih sayang merupakan asas dalam pembinaan keluarga bahagia. Ini kerana setiap anggota keluarga mampu menunjukkan kasih sayang sesama mereka bagi mengeratkan hubungan.

Nilai kasih sayang ditekankan di dalam Islam dalam menyemarakkan rasa bahagia dalam diri dan juga individu sekitar. Dalam keluarga, ciri yang tidak kurang pentingnya untuk melahirkan rasa bahagia adalah dengan berlumba-lumba mencurahkan bakti kepada ahli keluarga yang lain. Nilai kasih sayang yang wujud melalui amalan tolong menolong ini disebut dalam sabda baginda Rasulullah SAW (Riwayat Imam Malik) yang bermaksud;

“Hendaklah kamu saling memberikan bimbingan, mudah-mudahan kamu akan saling cinta menyintai.”

Dari hadis ini dapat kita lihat bahawa seseorang yang mempunyai rasa bertanggungjawab dalam memenuhi keperluan individu lain, mereka telah merealisasikan konsep penyayang dalam dirinya. Begitu juga dalam konsep keluarga, amalan tolong-menolong dapat mewujudkan rasa kasih dan sayang antara suami dan isteri serta antara ibu bapa dan anak-anak. Perasaan kasih sayang yang wujud ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi tahap kesejahteraan keluarga tersebut.

4.2.3. Bersyukur dengan Anugerah Kehidupan

Kajian yang dijalankan oleh [Irfan dan Much \(2019\)](#), mengenai rasa syukur dalam keluarga petani mendefinisikan rasa syukur dari sudut bahasa bermaksud berasa terima kasih kepada Allah. Dalam kajian tersebut juga menyebut bahawa orang yang bersyukur mempunyai pengaruh terhadap ketenteraman di hati dan merasa puas dengan nasibnya. Mereka mengurus apa yang mereka miliki dengan rasa tenang hati dan tidak berasa iri terhadap orang lain atau apa yang tidak mereka miliki.

Orang yang bersyukur juga tidak akan merasa bongkak apabila mempunyai harta yang banyak dan tidak menunjuk-nunjuk ([Tartono & Pitutur, 2013](#)). Jika nilai ini dapat diterapkan dalam institusi kekeluargaan, pasti ianya bukan sahaja akan melahirkan keluarga yang sejahtera, malahan dapat melahirkan masyarakat sejahtera. Bahkan individu yang memiliki sifat syukur dijanjikan penambahan nikmat oleh Allah seperti firmanNya dalam surah Ibrahim (ayat 7) yang bermaksud;

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka pasti azab-Ku sangat berat."

Janji Allah merupakan perkara yang tidak dapat disangkal. Sifat syukur membawa pelbagai kebaikan bukan sahaja kelebihan dari segi fizikal, tetapi juga mempengaruhi rohani seseorang iaitu dengan merasai ketenangan dalam jiwa. Oleh itu, penting bagi setiap keluarga menerapkan rasa syukur dalam keluarga masing-masing.

4.3. Faktor Akal (Hifz Al Aql')

Agama Islam sangat menitikberatkan penjagaan akal. Menjaga akal merupakan prinsip penting dalam maqasid syariah kerana ia merupakan nikmat Allah SWT yang amat bernilai kepada manusia. Ini kerana akal merupakan sumber hidayah, hikmah, kesejahteraan serta kebahagiaan kepada manusia di dunia dan akhirat. Manusia akan berfikir dan mentaati perintah Allah SWT sekiranya mereka mempunyai akal yang sihat ([Awang et al., 2021](#)). Akal yang sihat dan bijak dapat dibina dengan ilmu pengetahuan apatah lagi di zaman yang pesat membangun. Malah dengan ilmu dapat membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Apabila ilmu digunakan untuk membangun sebuah keluarga bahagia, maka di situlah pembangunan akhlak memainkan peranan. Sebuah keluarga bahagia dapat dibangunkan sekiranya akhlak dipelihara dan akal manusia diisi dengan ilmu pengetahuan ([Zaharah et al., 2015](#)).

4.3.1. Mencintai majlis Ilmu

Pencapaian ilmu yang tinggi mampu memajukan sesebuah tamadun atau negara yang mana telah dibuktikan sejarah bahawa bangsa yang maju adalah bangsa yang berilmu. Oleh itu, dalam sesebuah keluarga perlu menerapkan perasaan sayang dan cinta akan ilmu sejak dari kecil lagi. Melalui amalan ini akan melahirkan seseorang yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang baik kerana telah dibesarkan dalam keadaan iman dan jiwa yang tenang ([Ratna & Nik Haslinda, 2007](#)). Selain itu, pembentukan peribadi yang baik dalam keluarga perlu diterapkan dengan mengikuti majlis ilmu supaya menjadi panduan dalam membentuk keluarga bahagia ([Zaharah et al., 2017](#)).

Menghadiri majlis ilmu mempunyai kelebihan yang mana disebut dalam hadis Riwayat Muslim yang bermaksud;

“Barangsiapa yang melalui satu jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan jalannya menuju syurga”.

Hadis lain turut menyatakan hal yang sama di mana Rasulullah SAW bersabda di dalam riwayat Al-Tarmizi yang bermaksud;

“Apabila kamu melalui (bertemu) dengan taman-taman syurga (di atas muka bumi ini), maka hendaklah kamu berhenti untuk menikmati (hasilnya). Lalu sahabat pun bertanya: Apakah dia taman-taman syurga tersebut? Rasulullah berkata: majlis-majlis ilmu.”

Berdasarkan hadis-hadis yang dinyatakan, jelaslah bahawa individu akan mendapat ganjaran yang sangat besar baik di dunia mahupun di akhirat apabila individu itu berusaha dalam mencari ilmu. Di samping itu, Allah menyukai sebuah keluarga yang menjadikan majlis ilmu sebagai panduan dalam membentuk sebuah keluarga yang harmoni (Zaharah et al., 2017).

Agama Islam menjunjung tinggi pendidikan. Oleh itu, tujuan utama pendidikan adalah menyempurnakan pembentukan akhlak yang mulia, baik dari segi mengikuti perintah Allah mahupun berinteraksi sesama manusia lainnya. Akhlak tidak dapat dipisahkan dari kehidupan individu dan mampu membezakan manusia dengan makhluk lain di muka bumi ini (Setiawan, 2017). Akhlak adalah tingkah laku yang muncul dari fikiran, perasaan dan tabiat yang sentiasa dilakukan setiap hari dalam kehidupan. Akhlak merupakan tingkah laku yang berhubungan dengan tiga elemen iaitu kognitif, afektif dan psikomotor seperti berikut (Siti Rahmah, 2021):

- i. Kognitif iaitu pengetahuan asas manusia melalui kemampuan intelektual
- ii. Afektif yang merupakan kemampuan fikiran manusia untuk mencuba menganalisis fakta dalam perkembangan ilmu pengetahuan
- iii. Psikomotor ialah pemahaman rasional dalam kehidupan sebenar (Abdul Hamid & Beni Ahmad, 2010).

Suami isteri perlu menerapkan nilai akhlak yang baik dalam rumah tangga untuk membentuk keluarga yang bahagia dan juga melahirkan masyarakat yang ideal sehingga terciptanya keharmonian dalam masyarakat (Siti Rahmah, 2021).

4.3.2. Konsep Redha dengan Ujian

Walau sebesar manapun masalah atau kesukaran yang menyumbang kepada tekanan perasaan dan kemurungan, individu perlu sedar bahawa ia boleh dihadapi dengan jaya jika individu tersebut redha dengan ujian yang dialami. Firman Allah SWT dalam surah al-Fajr (ayat 27-30) yang bermaksud;

“Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu). Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam Syurgaku.”

Jika hati dan pemikiran seseorang sentiasa bersandarkan kepada sifat tawaduk, yakin dan syukur kepada Allah SWT, maka dirinya akan diberikan petunjuk dan hidayah-Nya dalam menangani segala tekanan dan permasalahan dalam isu berkaitan kekeluargaan (Khairunneezam, 2018).

4.4. Faktor Harta (Hifz Al-Mal)

Prinsip menjaga harta dalam maqasid syariah merupakan tonggak utama dalam kesejahteraan keluarga. Harta merupakan antara keperluan yang penting dan utama dalam kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Islam sendiri mengiktiraf pemilikan harta oleh individu kerana harta merupakan wasilah bagi umat Islam untuk melaksanakan amalan mulia demi kesejahteraan umat manusia dan mencapai keredhaan Allah SWT. Oleh sebab itu, Islam telah mewajibkan manusia mencari rezeki yang halal dan mengharamkan mengambil harta orang lain secara batil. Umat Islam dikehendaki mencari harta tetapi mencari sebanyak mungkin harta itu bukanlah matlamat hidup secara hakiki yang mana segala usaha ditumpukan untuk memperolehnya dengan mengenyepikan segala kewajipan dan hak-hak yang perlu ditunaikan. Hal ini bertepatan dengan Firman Allah SWT di dalam surah *Al-Qasas* (ayat 77) yang bermaksud;

“Dan carilah pada apa yang dianugerahkan Allah padamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi, dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Pengurusan harta yang baik akan memastikan tidak berlakunya pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat, negara dan lebih-lebih lagi tanggungjawab terhadap Allah SWT. Hal ini kerana dengan sistem pengurusan yang baik, tanggungjawab untuk memberi nafkah kepada keluarga, pengeluaran zakat dan wakaf, berderma serta bersedekah akan dapat ditunaikan sebaiknya. Seterusnya, ia mampu menjana ekonomi umat Islam yang membawa kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

4.4.1. Tanggungjawab memberi nafkah

Nafkah berasal dari kata “infaq” yang membawa maksud berderma. Infaq juga didefinisikan sebagai belanja, maksudnya adalah sesuatu yang diberikan oleh individu (suami selaku ketua keluarga) kepada isteri, anak, keluarga dan kaum kerabat untuk keperluan seharian. Pemberian nafkah merupakan tanggungjawab utama seorang suami dan hak utama isterinya. Sekiranya suami memberikan sesuatu kepada isterinya dengan berlapang dada, tanpa sedikit pun wujud unsur kekikiran, ia merupakan sumbangan utama yang dapat mendatangkan keseimbangan dan kebahagiaan dalam rumah tangga (Muhammad Bukhori, 2017). Nafkah menjadi salah satu hak wajib yang harus diberikan kepada isteri oleh seorang suami berdasarkan firman Allah yang mengingatkan agar setiap hambaNya yang wajib memberi nafkah untuk melakukannya sesuai menurut kadar kemampuan mereka (Ali Yusuf, 2010).

Tambahan dari itu, Allah SWT turut memberi penegasan kepada hambaNya dalam menunaikan tanggungjawab memberi nafkah agar ditunaikan seperti dalam firmanNya di dalam surah An-Nisa (ayat 34) yang bermaksud;

“Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum perempuan, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka(laki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka.”

Sebagai ketua keluarga yang mempunyai tanggungjawab kepada isteri dan anak-anaknya, seorang suami memiliki kewajipan yang telah ditetapkan, di antaranya adalah memenuhi hak-hak isteri dan anak yang wajib untuk dipenuhi. Hal ini dapat memastikan kebajikan mereka tidak diabaikan dan memastikan mereka dapat menjalani kehidupan dengan lengkap dan bahagia. Aspek pemberian nafkah ini tidak seharusnya dipandang enteng kerana antara salah satu faktor utama yang membawa kepada perceraian dalam institusi kekeluargaan di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor kewangan di mana masih ramai lagi golongan suami yang gagal dalam melunaskan amanah ini. Hal ini dapat dilihat daripada [Laporan Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia \(2020\)](#) pada tahun 2020 menunjukkan jumlah perceraian dalam kalangan rakyat negara ini meningkat sebanyak 12 peratus iaitu sebanyak 56,975 kes perceraian direkodkan pada 2019 berbanding 50,862 pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah ini, kira-kira 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kes perceraian di negara ini adalah dalam kalangan orang Islam ([Laporan Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia, 2020](#)) dan mereka adalah daripada golongan B40 seperti peniaga kecil-kecilan, pembantu kedai makan, pekerja kilang dan ada juga yang bekerja sendiri yang rata-ratanya mempunyai pendapatan rendah ([Hafiz, 2020](#)).

4.4.2. Amalan Filantropi (pengeluaran zakat, wakaf dan sedekah)

Menurut [Abdullah Alqari et al. \(2018\)](#) dan [Razali \(2017\)](#), perkataan filantropi berasal dari gabungan dua suku kata bahasa Greek iaitu phil(cinta) dan anthropos (manusia). Gabungan kedua-dua suku kata ini memberi maksud cinta atau sayang kepada manusia. Filantropi dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu filantropi yang bersifat wajib dan filantropi secara sukarela atau pilihan (*obligatory and voluntary/optional*) ([Don et al., 2013](#)). Filantropi wajib adalah melalui kewajipan zakat bagi yang berkemampuan dan mempunyai lebih harta. Manakala filantropi sukarela atau atas pilihan sendiri adalah seperti sedekah dan wakaf yang boleh memberi manfaat kepada orang lain.

Dari sudut bahasa, perkataan zakat adalah diambil daripada perkataan al-zakaa' yang mempunyai beberapa pengertian iaitu al-nama' (berkembang), al-thaharah (bersih) dan al-barakah (pertambahan). [Ibn Manzur \(1997\)](#) menyatakan bahawa zakat mempunyai dua maksud iaitu mengeluarkan harta dan menyucikan jiwa. Manakala menurut [Anas \(2012\)](#), disebut zakat adalah kerana ia merujuk kepada keberkatan harta dan juga penyucian jiwa dari sifat kedekut. Selain itu, al-Qaradhawi (1973) turut berpandangan bahawa zakat juga meliputi amalan bersedekah dan membelanjakan (infaq) harta pada jalan Allah SWT yang dinyatakan pada Surah al-Taubah (ayat 103) yang bermaksud;

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk

mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”
(Surah al-Taubah, 9: 103)

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa melalui amalan filantropi ini, harta yang diperoleh dapat dibersihkan yang seterusnya membawa kepada kebahagiaan dalam keluarga. Rezeki yang bersih yang diberikan oleh suami kepada isteri dan anak-anaknya akan menjadi darah daging yang turut mempengaruhi aspek pembentukan akhlak dan nilai agama dalam diri mereka.

4.5. Faktor Keturunan (Hifz An-Nas)

Keturunan atau kata lainnya nasab didefinisikan sebagai salah sebuah pertalian keluarga yang melibatkan pertalian keluarga di sebelah bapa dan pertalian keluarga di sebelah ibu ([Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017](#)). Dalam Islam, penjagaan keturunan amat dititikberatkan dalam perkembangan sesebuah keluarga bagi memastikan keturunan yang dihasilkan merupakan keturunan yang baik dan berkualiti.

4.5.1. Keturunan yang baik

Anak-anak merupakan amanah yang dianugerahkan oleh Allah SWT yang wajib dijaga dan dididik dengan baik. [Ibrahim et al. \(2018\)](#) menekankan tentang kepentingan tanggungjawab besar ibu bapa yang harus dijalankan dengan sebaik mungkin untuk menyelamatkan ahli keluarga daripada ancaman api neraka. Sehubungan itu, membina ummah melalui pembentukan manusia merupakan tuntutan agama. Hal ini adalah berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Tahrim (ayat 6) yang bermaksud;

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”

Oleh itu, dengan pembentukan keturunan yang baik berlandaskan syariat yang telah ditekankan oleh Maqasid Syariah ini, kesejahteraan keluarga, masyarakat dan ummah akan turut terbina. Sehubungan itu, syariat Islam telah meletakkan tanggungjawab membina insan sebagai maqasid tertinggi dalam memelihara keturunan ([Ibn Ashur, 2001](#)).

4.5.2. Penjagaan keturunan dari anak tidak sah taraf

Pelbagai aspek perlu diberi penekanan untuk menjaga dan membentuk keturunan yang baik. Antaranya menjaga diri dari melakukan perbuatan zina dan maksiat. Menurut [Mohamad Hafifi dan Syamim \(2018\)](#), konsep menjaga keturunan yang dipraktikkan dalam Maqasid al-Syariah adalah salasilah keturunan perlu dijaga dengan baik. Justeru, perbuatan maksiat seperti zina perlu dicegah untuk memastikan keturunan dijaga baik dan melahirkan individu yang sihat, berakhlak dan sempurna agamanya. Malah, Allah memberi amaran di dalam al-Quran untuk tidak menghampiri zina kerana ia keji dan membawa kerosakan yang seharusnya menjadi pakaian bagi melindungi diri dan

pergaulan. Firman Allah SWT berkaitan zina ini terkandung dalam surah al-Isra' (ayat 32) yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu mendekati zina; (zina) itu sungguh suatu perbuatan keji, dan suatu jalan yang buruk."

Kesedaran ini haruslah dipupuk kepada anak-anak sejak kecil lagi, agar mereka sedar tentang penting menjaga ikhtilat dalam perhubungan antara lelaki dan perempuan. Penggunaan media sosial secara meluas pada ketika ini dilihat antara faktor penyumbang kepada pergaulan bebas yang seterusnya membawa kepada lembah zina (Nadia, 2017). Ghazaly (2019) menyatakan bahawa anak-anak berumur 7 hingga 18 tahun masih belum mampu membuat keputusan secara matang. Justeru, pantauan dan pengawasan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak terutama yang melibatkan media sosial adalah amat penting. Ibu bapa boleh menggunakan aplikasi atau perisian seperti 'CyberPatrol' 'NetFilter Home', 'Kid Mode' atau 'Kid Youtube' bagi memantau pergerakan anak-anak dalam talian dan menyaring penggunaan internet mereka (Ashaari et al., 2019).

Jabatan Agama Islam Selangor (2020) memandang bahawa penjagaan keturunan adalah suatu perkara yang perlu diambil serius. Hal ini ditegaskan di dalam hadis riwayat Imam al-Nawawi yang menyatakan bahawa lelaki yang berzina tidak mempunyai hak terhadap bayi yang dilahirkan oleh pasangan zinanya. Malah sekiranya perkara ini turut dilanggar dan dibinkan anak tersebut dengan bapa penzina beberapa mudarat akan berlaku seperti berikut. Pertama, perkahwinan anak tidak sah taraf tidak akan sah sekiranya berwalikan bapa biologinya yang berzina. Kedua, anak tidak sah taraf akan meminta harta pusaka sedangkan anak ini tiada hak untuk mewarisi harta daripada bapa biologinya. Ketiga, mewujudkan keturunan yang bercelaru kerana menasabkan keturunan bukan pada keturunan sebenarnya mengikut syarak. Keempat, akan memperbanyakkan status anak tidak sah taraf di dalam masyarakat. Oleh itu, penjagaan keturunan perlu dipandang berat dalam masyarakat bagi menjamin keturunan yang baik, terpelihara salasilahnya dan bersih dari sebarang perbuatan maksiat.

5. Kesimpulan

Kesejahteraan keluarga yang menyeluruh dapat dicapai apabila elemen-elemennya dapat dikenal pasti dengan sempurna. *Maqasid al-Shariah* pada dasarnya bertujuan dalam mewujudkan kebaikan atau memberi manfaat, sekali gus menolak keburukan dan menghilangkan kemudaratan. Pada kala, umat Islam di Malaysia sedang berhadapan dengan pelbagai ujian dan dugaan seperti polemik masalah kesihatan mental, penularan COVID-19, masalah kewangan dan pelbagai lagi masalah sosial yang wujud yang membawa kepada keretakan institusi rumah tangga, satu garis panduan yang menyeluruh berdasarkan pendekatan spiritual dalam Islam harus diwujudkan bagi mengekang permasalahan ini.

Sehingga kini masih tiada sebarang penulisan yang mengolah kesemua konsep ini secara bersepadu melibatkan kelima-kelima teras prinsip dalam pembentukan keluarga bahagia. Oleh itu kajian ini amatlah relevan kerana kesemua konsep yang terkandung di dalam *Maqasid Shariah* dikupas dan dikaitkan dengan permasalahan yang wujud dalam krisis rumah tangga. Ia dapat mengurangkan salah faham dalam kalangan Umat Islam berkaitan konsep ini dan meyakinkan serta menguatkan pegangan mereka dengan kelima-lima prinsip yang terkandung dalam membentuk keluarga yang bahagia.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod (FRGS/1/2021/SS0/USIM/02/3) yang bertajuk 'Model Baharu Pengurusan Krisis Rumah tangga Keluarga B40 dalam Memacu Kesejahteraan Holistik'.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ab. Razak, H., Zainal Abidin, L., Sallam, A. M. S. E. (2022). Pendekatan psikoterapi islam dalam merawat kemurungan wanita muslimah. *Jurnal Pengajian Islam*, 15, 83-95.
- Abdul Djalil. (2012). *Metode dan Amalan Perubatan Alternatif Menggunakan Zikir dan Doa: Kajian Khusus di Kota Surabaya, Indonesia*. [Tesis PhD, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia].
- Abdul Hamid & Beni Ahmad Saebani. (2010). *Ilmu Akhlak*. Bandung, Indonesia: Pustaka Setia.
- Abdul Hamid Muhammad. (1988). *Al-Ghazali: Ihya Ulum al-Din* (Terjemahan). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abdul Rashid Abdul Aziz. (2020). Wabak Covid-19: Penyesuaian Kendiri terhadap Norma Baharu. Artikel diterbitkan dalam ruangan In our words (Fi ra'yinaa) USIM secara digital. Capaian pada 3 Januari 2023 dari <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/wabak-covid-19-penyesuaian-kendiri-terhadap-norma-baharu/>
- Abdul Rashid Abdul Aziz. (2021). Pengurusan emosi semasa wabak covid-19. Dalam Abdul Rashid Abdul Aziz, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Siti Nubailah Mohd Yusof & Anita Abdul Rani (Eds.) *COVID-19 dari Perspektif Sains Sosial: Implikasi dan Solusi* (pp.1-18). Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Abdul Wahab Md. Ali, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Ahmad Faizal Ramly, Muhammad Hagia Sofia Mohdi & Farah Syazrah Mohd Ghazalli. (2021). Indikator Kesejahteraan Keluarga Dalam Kajian Kontemporari Di Malaysia: Satu Perbandingan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. 21 (1), 12-26.
- Abdullah Alqari, M. Z., Wan Mohd, W. C, Engku Muhammad, T. E. A., & Syed Mohd Azmi, S. A. R. (2018). Potensi filantropi islam dalam Institusi Pemulihan Dadah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2): 125-134.
- Ahmad A'toa', M. & Mardiana, M. N. (2021). Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 204-17.
- Ahmad Sharifuddin. (2020). Doa dan amalan harian bagi menghadapi pandemik Covid-19. *UTHM*. <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/10/doa-dan-amalan-harian-bagi-menghadapi-pandemik-covid-19/>
- Al-Ashqar Umar Sulayman. (2004). *al-ʿAkīdah fī Allāh*. ʿAmman: Dār al-Nafaʿis.
- Al-Ghazali. (2000). *Ihya Ulumuddin*. Thahqiq Abdul Rahim Al Husin Al Iraqi. Kaherah: Dar al- Takwa li al-Turath.
- Ali Yusuf al-Subki. (2010). *Fiqh Keluarga*. Jakarta: Sinar Grafika Offset.
- Al-Khadimiyy Nur al-Din Mukhtar. (2001). *ʿIlm al-Maqasid al-Shariʿah*. Riyad: Obeikan Publishers.

- Allal al-Fasi (1963). Risalah Tsulasa'. *Bahan Tarbiyah Online*.
<https://adoc.pub/muhammad-allal-al-fasi-pemimpin-besar-h-m.html>
- Al-Najjar, A. M. (2014). *Abc ad Jadidah li Maqasid al-Shariah*. Majallat al-Azhar.
- Al-Raysuni, A. & Barut, M. J. (2000). *Al-Ijtihad, Al-Nash, Al-Waqi'i, AlMaslahah*, Terj. Ibnu Rusydi dan Hayyin Muhdzar, "Ijtihad Antara Teks, Realitas dan Kemaslahatan Sosial.Erlangga, Jakarta.
- American Psychological Association (APA). (2011). Capaian pada 2 Feb 2020.
<https://www.apa.org/monitor/2011>
- Anas, A. K. (2012). *Tazkiah Al-Nafs* (H. E. Threeska, terj.). Jakarta Timur: Akbar Media Eka Sarana
- Arksey, H., & O'Malley, L. (2002). Scoping Studies: Towards a Methodological Framework. *International Journal of Social Research Methodology*, 8(1), 19-32.
- Ashaari, N. N. S. B. H., Sumadi, S. N., Salleh, N. A., Ismail, N. I., Adenan, N. A. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Pergaulan Bebas dalam Kalangan Remaja Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 38-50.
- Awang, N. Z. A. A., Hadenan, T. & Abdul Razak, A. K. (2021). Kesejahteraan Keluarga menurut Maqasid Syariah dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*. 1(2).163-185
- Azizi, Y. (2008). *Keluarga dalam pembentukan moral*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Berg, B. L. (2001). *Qualitative Research Message for the Social Sciences* (4th ed.). Allin and Bacon.
- Che Noraini Hashim. (2002). *Gejala sosial: Punca dan penyelesaian menurut perspektif islam*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Che Zarrina Sa'ari & Norhafizah Musa. (2019). Pendekatan psikoterapi Islam dalam menguruskan tekanan pesakit kronik. *Jurnal Usuluddin*, 47(1), 1-34.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Kamus Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Don, A. G., Puteh, A., Muhamat, R., & Nasir, B. M. (2020). Pendekatan Filantropi Dakwah Dalam Membangun Kesejahteraan Masyarakat. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 44-56.
- gagasan Negara zikir Brunei Darussalam. *Global Journal Al-Thaqafah* (GJAT), 6(1), 101-112.
- Ghazaly, A. R. (2019). *Fiqh munakahat* (Edisi pertama). Jakarta: Prenadamedia Group.
- Hafiz, M. I. (2020, Disember 28). Kes Penceraian di Malaysia rekodkan Peningkatan Luar Biasa. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/116749>
- Hawari, D. (1996). *Al-Qur'an: Ilmu Kedokteran Jiwa dan Kesehatan Jiwa*. Jakarta: Dana Bhakti Prima Yasa.
- Ibn Ashur Muhammad al-Tahir (2001). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Nafaes, Amman: Jordan.
- Ibn Bayyah 'Abdullah. (2012). *Mashahid Min al-Maqasid*. Al-Riyad: Wujuh Publishing & Distribution House.
- Ibn Kathir, I. U. (2011). *Tafsir al-Quran al-Azim, al-Musamma tafsir ibn Kathir*. Maktabat al-Rushd Nashiru.
- Ibn Manzur. (1997). *Lisan Al-Arab*. Cairo: Maktabah Taufiqiyah
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah (2017). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rab al-'Alamin, juz III*. Bairūt: Dar al-Fikr, t.th.
- Ibrahim, H., Mustapha, M., Sawai, J. P., Md Naw, N. H., & Megat Ahmad, P. H. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24

- Irfan, D. P. & Much, S. Z. (2019). Wujud rasa syukur sebagai keluarga petani dalam visual karya seni grafis. *Bri Kolase Jurnal Kajian Teori Praktik dan Wacana Seni Budaya Rupa*, 11(1):52-69.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2018). *Keutamaan menjaga keturunan*. Khutbah Jumaat. Unit Khutbah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor.
- Jalil, S. J. A., Yusoff, Y. M., & Ismail, R. (2017). Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 45(1), 1-26.
- Khairunnas Rajab. (2012). *Islam dan kesehatan mental*. Pekan baru : Suska press.
- Khairunneezam, M. N. (2018, Julai 23). Kemurungan dan panduan Islam dalam menghadapinya. *Risalah USIM*. Dicapai pada 12 November 2020 dari <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/kemurungan-dan-panduan-islam-dalam-menghadapinya/>
- KPWKM (2022). *Statistik Mangsa Keganasan Rumah Tangga (AKRT)*. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/left3&id=SG8rd3RLRIjpOUhRTE1oYU4vc3NGZz09>
- Krok, D. (2015). The role of meaning in life within the Relations of Religious Coping and Psychological Well-Being. *Journal of Religion and Health*, 54(6), 2292-308. doi: 10.1007/s10943-014-9983-3.
- Laporan Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia (2020). *Jabatan Statistik Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Luqman. (2019). Pendahuluan kepada ilmu maqasid syariah. *MWP*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>
- Marcotte, D., Margolin, A., & Avants, SK. (2003). Addressing the spiritual needs of a drug user living with human immunodeficiency virus: A case study. *Journal Alternatives Complement Medicine*, 9(1), 169-75.
- Masuriyati Yahya & Che Zarrina. (2016). Program zikrullah dan aktiviti kerohanian asas
- Mazlan, M., Yahya, M. A., Noor, F. N. M. (2016). Fardhu 'ain sebagai kerangka pembentukan disiplin pelajar di institusi Pendidikan Islam. *Jurnal'Ulwan*, 1(1), 59-73.
- Mitchell. S., & Romans, S. (2003). Spiritual beliefs in bipolar affective disorder: Their relevance for illness management. *Journal Affect Disorder*, 75(3), 247-57.
- Mohamad Hafifi, H., & Syamim Zakwan, R. (2018). *Analisis Hadis-Hadis Berkaitan Tuntutan Menjaga Nasab: Penguatkuasaannya Dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri*. e-Proceeding of 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018). KUIS, Kajang, Selangor. Organized by Hadith Research Institute (INHAD), International Islamic University College Selangor, Malaysia. eISBN 978-967-44741-6-4.
- Mokhtar, A. A. & Mohd Noor, M. (2021). Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 204-217.
- Muhamad, S. N., Mohamed, A. K., Haron, Z. (2004). Budaya Penyayang dalam kehidupan masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis. *Researchgate* https://www.researchgate.net/publication/277070331_Budaya_penyayang_dalam_kehidupan_masyarakat_Islam_Antara_teor_i_dan_praktis
- Muhammad Bukhori. (2017). *Peran istri sebagai pencari nafkah utama perspektif tafsir marah labid*. [Thesis Master, Universitas Islam Negeri].
- Nadia Fauzi. (2017). *Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan : Suatu Kebaikan Atau Keburukan ?* Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan, ILKAP, 1-34
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2008). *Al-Ghazali and his Theory of The Soul*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Noor Syaibah, S., Norazilah, J., Norhasima, A. & Syazwana, A. (2016). Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHIL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial. Malaysian, Journal of Social Science*, 1, 36-52.
- Noordin, Z. N. & Ab. Rahman, Z. (2017). Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath*, 2(1).
- Noorshafenas, S., & Ahmad Yunus, M. N. (2016). Pengurusan stress menurut al-Quran dan Hadith. *Al-Hikmah*, 8(1), 3-18.
- Norhafizah Musa & Che Zarrina Saa'ri. (2019) Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik. *Jurnal Usuluddin*, 47(1), 1-34.
- Norsaleha, M. S., Fadilah, Z., & Noor Hafizah, M. (2018). Historiografi liberalisme dalam kalangan masyarakat Barat. *Al-Irsyad: Journal of Islamic And Contemporary Issues*, 3(1), 67-79.
- Nurrussakinah Daulay. (2014). *Pengantar psikologi dan pandangan al-quran tentang psikologi*. Indonesia: Kencana Prenada Media Group.
- pembangunan spiritual golongan belia perlu perhatian (PP) dalam merealisasikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (1948). *Artikel 16 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat*. Resolusi 217 A(III).
- Purmansyah Ariandi (2013). Kesihatan Mental dalam Perspektif Islam. *Syifa' MEDIKA*, 3(2).
- Qa'dan, A. M. (2013). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi Ahkam Fiqh Usrah*. Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi.
- Rahim, K. Z., Khairulnazrin, N., & Saifullah, M. (2019). Konsep Al-Takafur Menurut Al-Sunnah: Kajian Perbandingan antara Tradisi Meditasi Hindu di dalam Proses Psikoterapi. *International Referred Academic Journal in Hadith Studies*, 9(18), 195-212.
- Rahmat Ilyas. (2017). Zikir dan Ketenangan Jiwa. *MAWA IZH Journal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*, 8(1), 90-106.
- Ratna, R. A. R., & Nik Haslinda, N. H. (2007). Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*, 5(1), 74-82.
- Razali Othman. (2017). *Konsep Philantropi dalam Sudut Pandangan Islam*. Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konteks Wakaf. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia.
- Rizal Abu Bakar. (2009). *Kaunseling daripada perspektif islam : Apa, mengapa dan bagaimana*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Sdn Bhd.
- Sa'id Hawwa. (1988). *Qawanin al-Bayt al-Muslim*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.
- Setiawan, E. (2017). Konsep Pendidikan Akhlak Anak Perspektif Imam Al-Ghazali. *Jurnal Kependidikan*. 5(1):43-54
- Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarina Sa'ari. (2015). *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rahmah (2021). Akhlak dalam Keluarga. *Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah*. 20(2), 27-42.
- Siti Zalikah Md Nor. (2002). *Kaunseling Menurut Perspektif Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sucharew, H., & Macaluso, M. (2019). Methods for Research Evidence Synthesis: The Scoping Review Approach. *Journal of Hospital Medicine*, 14(7), 416-418.
- Sulaiman Endut. (2000). *Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors sdn bhd
- Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, Malaysia, (2019). https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=474&bul_

id=OVpQNVJXMkxMbldxbTdLQXJKbXV5dz09&menu_id=WjJGK0Z5bTk1ZEIVT09y
UW1tRG41Zz09

- Tartono, St. S., & Pitutur Adi Luhur (2013). *Ajaran Moral dan Filosofi Hidup Orang Jawa*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nusantara. 409-410.
- Toghyani, M., Kajbaf, M.B., & Ghamarani, A. (2018). What Does Islamic Lifestyle Say about Depression Management?. *Zahedan Journal of Research and Medical Science*, 20(7), 67766.
- Ulwan, A. N. (2008). *Tarbiyyatul Awlad Fil-Islam* (Terjemahan: Pendidikan Anak-anak dalam Islam oleh Syed Ahmad Semait. Jilid Satu & Dua). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Utusan Malaysia. (2020, Ogos 5). *Kes cerai PKP tinggi*. <https://www.utusan.com.my/premium/2020/08/kes-cerai-pkp-tinggi/>
- Wala, M. S., & Adarsh Vohra (2013). Role of Islam in the management of Psychiatric disorders. *Indian Journal of Psychiatry*, 55(2), 205–214.
- Wan Anor, W. S. & Risalshah, L. (2014). Kaunseling Keluarga : Isu dan Cabaran. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga, Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*.
- Wan Azizah Wan Ismail (2019, November 26). *Deklarasi Keluarga Malaysia sebahagian agenda nasional*. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/11/26/deklarasi-keluarga-malaysia-sebahagian-agenda-nasional>
- World Health Organization. (2022, Jun 17). *Mental health: strengthening our response*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-strengthening-our-response>
- Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Mingal. (2011). *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Yu, D., Anser, M. K., Peng, M. Y. P., Nassani, A. A., Askar, S., E., Zaman, K., Aziz, A., R., A., Abro, M. M. Q. & Sasmoko Jabor M. K. (2021). Nationwide lockdown, population density, and financial distress brings inadequacy to manage COVID-19: Leading the services sector into the trajectory of global depression. *Healthcare*, 9(2), 220.
- Zaharah, H., Ahmad Arifin, S., Saedah, S., Mohd Ridhuan, M. J., Abdul Muqith, A. & Nurulrabihah, M. N. (2017). Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 9(2), 16-31
- Zaharah, H., Saedah, S., Zai Hazreen, A. M., Mohd Ridhuan, M. J., Ahmad Arifin, S. & Nurulrabihah, M. N. (2015). Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *Al-Hikmah*, 7(2), 72-87.